

PECAHAN KOS KOMPONEN JALAN RAYA MENGIKUT SETIAP KATEGORI

MOHD SALHAN BIN MOHD SAYUTI

Laporan Projek ini Dikemukakan Sebagai
Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat Penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Jabatan Ukur Bahan
Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2011

PENGHARGAAN

Dengan Nama ALLAH Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang

Penulis ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Sr. PM DR. Zakaria Bin Yusof selaku penyelia kajian yang telah banyak membantu membimbing dan memberi sokongan sepanjang tempoh kajian ini.

Tidak ketinggalan kepada rakan-rakan seperjuangan 3 SBQ 2010/2011 diatas segala pertolongan dan bantuan yang diberikan secara berterusan sehinggalah kajian ini berjaya dihasilkan. Terima Kasih juga kepada semua Jabatan Kerja Raya Johor dan pihak perunding Jurukur Bahan di sekitar Johor Bahru yang memberikan kerjasama yang baik dalam penghasilan kajian ini.

Walaupun didalam kajian ilmiah ini penulis menghadapi berbagai masalah serta kehilangan semangat di separuh jalan, bimbingan serta dorongan daripada anda semua telah membantu menjayakan kajian ini.

Semoga Allah jua yang membalas jasa baik anda.

Sekian, terima kasih.

ABSTRACT

Malaysia is a rapidly growing country both in term of economy and infrastructure. One of the prove that confirm this is the road facilities through a variety of enhancements and improvements over the years. However, road construction involves very high cost. In the procedures of any form of projects, especially projects funded by the government, the Schedule of Rates prepared by the Public Works Department will be used in the tender pricing process. However, The Schedule of Rates prepared by the Public Works Department did not specify the price for each category of road in Malaysia but only provides a basic price which is used for all categories of roads.

This survey will be made in order to get a fraction of the cost components of each category of roads by the road in Malaysia. With the research and findings such as these, construction of roads in Malaysia will be done by optimizing the cost-efficiency.

ABSTRAK

Malaysia adalah sebuah negara yang sedang berkembang pesat baik dari segi ekonomi mahupun infrastruktur. Salah satu bukti yang dapat mengesahkan hal ini adalah kemudahan jalan raya yang melalui berbagai peningkatan dan penambahbaikan saban tahun. Walaubagaimanapun, pembinaan jalan raya seringkali melibatkan kos yang sangat tinggi. Didalam prosedur pelaksanaan sebarang bentuk projek, khususnya projek yang dibiayai oleh kerajaan, Jadual Kadar Harga yang telah disediakan oleh Jabatan Kerja Raya akan digunakan didalam proses menghargakan tender. Walaubagaimanapun, Jadual Kadar Harga yang telah disediakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya tidak menyatakan harga bagi setiap kategori jalan raya yang ada di Malaysia sebaliknya hanya menyediakan satu harga asas yang digunakan untuk kesemua kategori jalan raya.

Kajian ini akan dibuat dengan tujuan untuk mendapatkan pecahan kos komponen jalan raya mengikut setiap kategori jalan raya yang ada di Malaysia. Dengan adanya kajian dan dapatan seumpama ini, pembinaan jalan raya di Malaysia akan dapat dilakukan dengan mengoptimumkan kecekapan kos.